

**KAJIAN TERHADAP FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN GRADUAN
UKUR BAHAN TIDAK BERDAFTAR SEBAGAI PROFESIONAL**

SHARIFAH YUSNANI SYD HAMID

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER 2005

ABSTRAK

Profesion ukur bahan sebenarnya telah lama bertapak di Malaysia, ia bermula apabila penjajah British memperkenalkannya pada awal 1930-an. Walau bagaimanapun profesion ukur bahan mula berkembang pada era 1950-an apabila profesion ini kerap diserap masuk di dalam perkhidmatan awam. Hampir 52 tahun profesion ukur bahan bertapak kukuh di dalam industri pembinaan di Malaysia. Namun begitu, pendaftaran sebagai Juruukur Bahan berdaftar hanyalah baru bermula pada awal 70-an. Sehingga kini jumlah Juruukur Bahan yang mendaftar semakin berkurangan, sedangkan jumlah graduan ukur bahan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini terbukti dengan adanya pertambahan universiti-universiti tempatan dan swasta yang menawarkan kursus ukur bahan. Dari itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan graduan ukur bahan tidak mendaftar. Di samping itu juga, beberapa cadangan juga dikemukakan sebagai cara untuk meningkatkan jumlah graduan ukur bahan berdaftar. Kaedah soal selidik dan temubual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dan data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk tertentu agar lebih mudah difahami. Skop penyelidikan ini melibatkan Juruukur Bahan Siswazah dan Juruukur Bahan yang bekerja melebihi 2 tahun tetapi tidak berdaftar di bawah LJBM yang diwakili oleh pihak perunding ukur bahan, kontraktor dan pemaju sahaja di sekitar Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan terdapat 2 faktor yang utama yang menyebabkan graduan ukur bahan tidak mendaftar iaitu kos untuk menghadiri seminar terlalu tinggi dan Juruukur Bahan yang bekerja di firma lebih mudah berdaftar berbanding mereka yang bekerja di syarikat kontraktor. Namun begitu, setiap kategori responden memberikan pendapat yang berbeza-beza mengikut keutamaan masing-masing.

ABSTRACT

Quantity surveying profession has been established in Malaysia since it was first introduced by the British colonial in the early of 1930s. However, the quantity surveying profession was only started to develop when it was applied in the public and government sectors. In fact, this profession has about 52 years of history in Malaysia. Meanwhile, the registration of the quantity surveying practices were only began from 1985. At the mean time, the numbers of registered quantity surveyors are getting lower although the numbers of graduate quantity surveyors are increasing from year to year. This is proved by the additional numbers of the local and private higher learning institutions which offer the quantity surveying education. Hence, this research has been carried out in order to identify the factors that lead to the graduate quantity surveyors of not registering with the board. Moreover, there are some suggestions made as the solutions and to increase the numbers of registered graduate quantity surveyors as well. Questionnaires and structured interviews are used to obtain the relevant information. Then, these data will be analysed and interpreted. The scope of this research is including of the quantity surveying undergraduates and graduate quantity surveyors who have been working more than 2 years but still not register themselves with the board. Those respondents are also from the quantity surveying consultancies, contractor firms and developer organisations in Johor Bahru and Kuala Lumpur only. The overall findings of this research study show that there are 2 factors on why Quantity Surveyor did not sign for registered. Those 2 factors are a high cost of attending a seminar which is compulsory for the candidates and Quantity Surveyor that involve in consultancy are easy registered compare to those who working in a contractor company. However, each of respondent categories expected different skills.